

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah pelancong antarabangsa yang berkunjung ke Malaysia dalam tempoh suku pertama Tahun Melawat Malaysia 2014.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah mensasarkan seramai **28 juta** pelancong asing pada tahun 2014 bersempena Tahun Melawat Malaysia.

Pada suku pertama tahun 2014, Malaysia telah menerima seramai **7.1 juta** orang pelancong asing, peningkatan sebanyak **10 peratus** jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada suku pertama tahun 2013.

Sekian, terima kasih.